

Press Release



Media : Utusan Malaysia
 Date : 29 July 2016
 Page : Mega, 5
 Published : Daily
 Language : Bahasa Malaysia
 Circulation : 193,000

Tidak dinafikan perniagaan utama di sini ialah penjualan produk-produk makanan sejuk beku tetapi pada masa yang sama kami tampilkan kelainan apabila menawarkan perkhidmatan memasak makanan yang telah dibeli oleh pelanggan untuk menikmatinya di sini."

untuk membantu usahawan-usahawan mengetengahkan produk keluaran masing-masing.

Secara tidak langsung 27 Frozen Food menjadi perantara antara usahawan-usahawan ini dengan pengguna.

Hanya memasarkan produk makanan sejuk beku yang berkualiti tinggi dan dihasilkan oleh usahawan yang betul-betul ingin berniaga. Saiful berkata, produk jualan mereka adalah 100 peratus produk Bumiputera.

"Semasa hendak memulakan perniagaan awal tahun ini, kami telah membuka peluang kepada 500 usahawan IKS untuk memasarkan produk mereka di sini.

"Tetapi sebaik sahaja di buka dan sehingga hari ini kami hanya menerima penyertaan daripada 27 orang usahawan sahaja yang datang dari Pahang, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang, dan sekitar Lembah Klang.

"Begitupun sambutan yang diterima amat menggalakkan malah pada setiap bulan kami akan memperkenalkan makanan baharu kepada pelanggan-pelanggan kami," sambungnya lagi.

Yang pasti, bukan sahaja kambing bakar atau kambing golek yang menjadi menu istimewa di 27 Frozen Food tetapi produk-produk lain seperti ayam kampung bakar, dim sum, spageti, ayam goreng, roti Arab, nugget, kebab, piza, sushi goreng, dan durian krep menjadi pilihan ramai.

Beroperasi setiap hari dari pukul 9 pagi hingga 10 malam, kedai tersebut turut menyediakan perkhidmatan penghantaran di sekitar Bangi dan Putrajaya.

Maklumat lanjut boleh layari Facebook, 27 frozen food.

Masak lebih mudah dan cepat

MEMASAK boleh diumpamakan sebagai satu terapi diri kerana selain memberikan ruang untuk bereksperimen, secara tidak langsung juga dapat mengisi masa yang tertunggak.

Melihat kepada trend terkini, orang ramai mula memilih bidang masakan sebagai salah satu aktiviti harian dan ini tidak terkecuali bagi kaum Adam.

Malah dengan adanya pelbagai peralatan dapur yang canggih daripada pelbagai jenama terkenal, memasak semakin digemari ramai sama ada untuk masakan makanan teras seperti nasi dan lauk pauk ataupun masakan kek dan pastri.

Untuk itu baru-baru ini bertempat di Arena Success, Pusat Jualan Tupperware Rawang, telah diadakan karnival memasak dengan bertemakan *Jom Masak*.

Menurut pemilikinya, **Leny Masayu Miskimin**, 40, karnival yang berlangsung selama dua hari itu diadakan bertujuan mengetengahkan cara memasak dengan lebih mudah di samping memperkenalkan produk-produk baharu Tupperware.

Katanya, banyak aktiviti yang diadakan sepanjang karnival berlangsung, termasuk demonstrasi memasak dan teknik menyediakan bahan masakan dengan cara mudah dan pantas.

"Karnival *Jom Masak* ini merupakan aktiviti tahunan bagi memperkenalkan pelbagai rangkaian peralatan masakan yang menjadikan kerja-kerja memasak lebih mudah.

"Pengunjung yang hadir pada karnival ini, bukan sahaja berpeluang untuk melihat sendiri bagaimana mudahnya untuk memasak, tetapi mereka juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik yang disediakan," ujarnya ketika ditemui.

Sememangnya hanya memberi tumpuan kepada produk-produk kulineri, Leny memberitahu, karnival tersebut secara tidak langsung mengajar orang ramai untuk menyediakan masakan secara sihat.

Katanya, memandangkan persekitaran memainkan peranan penting dalam kehidupan harian, corak pemakanan perlu juga diberikan perhatian.

Pada masa yang sama banyak tip masakan turut dikongsi bersama pengunjung dan tidak ketinggalan demonstrasi masakan yang disediakan sepanjang karnival tersebut berlangsung ialah membuat begedil, yong tau fu, keropok lekor, nasi beriani, *sandwich* telur, jus buah-buahan, dan ais krim.

Demonstrasi masakan cara sihat diadakan adalah untuk memberik kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya menjaga pemakanan untuk mengelak daripada pelbagai penyakit.

Yang penting, selain penggunaan peralatan yang boleh menjimatkan masa dan mudah untuk dikendalikan, setiap masakan yang terhasil pastinya sahaja yang sihat.

Gambar MOHD. NOOR MAT AMIN

SEBAGIAN daripada orang ramai yang memeriahkan Karnival *Jom Masak* di Rawang, Selangor.